

**AKTIVITI** : Kursus UK12/17: Kursus Ukur Tanah (Kadaster) - Asas

**TARIKH**: 5-8 September

**TEMPAT** : PKUK & persekitaran INSTUN

**PENGLIBATAN** : 16 penjawat awam pelbagai agensi/ gred

**RINGKASAN PROGRAM:**

Objektif kursus ini adalah memberi pendedahan dan kefahaman mengenai cara bagi tujuan pengeluaran hakmilik.

**AKTIVITI** : Program Training For Trainers (TFT) : Kursus Pengimbasan Utiliti Bawah Tanah

**TARIKH**: 12-15 September

**TEMPAT** : PKUK & persekitaran INSTUN

**PENGLIBATAN** : pegawai dan kakitangan BUP

**RINGKASAN PROGRAM:**

Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan tenaga pengajar BUP berhubung inovasi pemetaan utiliti bawah tanah. Modul program merangkumi penawanan data di lapangan menggunakan peralatan-peralatan yang berbeza, pemprosesan data dan penghasilan peta utiliti mengikut panduan yang telah ditetapkan oleh JUPEM dan agensi berkaitan.







**AKTIVITI :** Jemputan Kursus : Program Memperkasakan Metodologi Penyampaian  
Tenaga Pengajar INSTUN

**TARIKH:** 13 September

**TEMPAT :** UPSI, Tanjung Malim, Perak

**PENGLIBATAN :** pegawai dan kakitangan BUP dan Bahagian-bahagian lain

**RINGKASAN PROGRAM:**

Program yang dikendalikan oleh Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan (RND), Instun dengan kerjasama dengan pihak UPSI. Modul program merangkumi ceramah serta latihan dalam kumpulan bagi memperkasakan metodologi penyampaian tenaga pengajar INSTUN.





**AKTIVITI :** Jemputan Pemprosesan Data Global Navigation Satellite System (GNSS)

**TARIKH:** 13-14 September

**TEMPAT :** Politeknik Ungku Omar (PUO), Ipoh Perak

**PENGLIBATAN :** Para pelajar dan pensyarah PUO

**RINGKASAN PROGRAM:**

Sesi taklimat dan pemprosesan data GNSS di PUO melibatkan 67 pelajar bagi Pelajar Diploma Geomatik (DGU3A, DGU3B dan DGU4A) bersama pensyarah PUO iaitu Pn.Noorizawaty binti Yusuff. Dilaksanakan oleh pegawai daripada Seksyen Geodetik iaitu En. Nasarularifin.





**AKTIVITI** : Kajian Rukyah Hilal Bil.7/2017

**TARIKH**: 21-22 September

**TEMPAT** : Baitul Hilal, Manjung dan Menara Cerapan Hilal, INSTUN

**PENGLIBATAN** : Seksyen Geodetik dan agensi berkaitan

**RINGKASAN PROGRAM:**

Program kajian rukyah hilal di Baitul Hilal, Manjung dan Menara Cerapan Hilal, Instun pada 21 dan 22 September 2017 (30 Zulhijah 1438H dan 1 Muharam 1439H) telah dilaksanakan oleh pegawai daripada Seksyen Geodetik iaitu En. Mahruzaman.





**AKTIVITI :** Wacana Ilmu - Kepentingan Drone di Malaysia

**TARIKH:** 25 September

**TEMPAT :** UPSI

**PENGLIBATAN :** Seksyen Pemetaan & 120 pelajar UPSI serta beberapa pensyarah

**RINGKASAN PROGRAM:**

Memenuhi undangan jemputan pihak UPSI berhubung teknologi UAV dan aplikasi asas UAV yang dibuat secara sesi taklimat, pameran dan hands-on penerbangan UAV di padang.







**AKTIVITI :** KURSUS UK16/17: Kursus AutoCAD 2D

**TARIKH:** 25-27 September


**TEMPAT :** PKUK

**PENGLIBATAN :** 20 penjawat awam daripada JPS Negeri Perak

**RINGKASAN PROGRAM:**

Objektif kursus ini adalah memberi kefahaman dan pengetahuan tatacara penggunaan perisian CAD dalam penyediaan pelan.





**AKTIVITI** : KURSUS UP13/17: Kursus Lanjutan Teknologi UAV (3D Model & Video)


**TARIKH**: 26-29 September

**TEMPAT** : PKUP & persekitaran INSTUN

**PENGLIBATAN** : 25 penjawat awam pelbagai agensi/ gred

**RINGKASAN PROGRAM:**

Objektif kursus adalah mempelajari aplikasi UAV dalam penyediaan 3D model dan video.







**AKTIVITI :** KURSUS UG14/17: Kursus Sistem Rujukan Koordinat di Malaysia

**TARIKH:** 27-29 September

**TEMPAT :** PKUG & persekitaran INSTUN

**PENGLIBATAN :** 18 penjawat awam pelbagai agensi/ gred

**RINGKASAN PROGRAM:**

Objektif kursus ini adalah memberi pengetahuan dan kefahaman mengenai Sistem Rujukan Koordinat di Malaysia. Di mana antara kandungan kursus adalah pengenalan kepada infrastruktur kawalan Geodetik Malaysia, teori transformasi dan unjuran peta serta pelaksanaan sistem koordinat GDM 2000.





**AKTIVITI :** KURSUS UK13/17: Kursus Hakmilik Strata dan Pengenalan Kepada Stratum

**TARIKH:** 27-28 September

**TEMPAT :** PKUK

**PENGLIBATAN :** 13 penjawat awam pelbagai agensi/ gred

**RINGKASAN PROGRAM:**

Objektif kursus ialah memberikan pendedahan dan kefahaman mengenai cara bagi tujuan pengeluaran hakmilik strata/ bangunan bertingkat dan stratum/bawah tanah.





**AKTIVITI** : Perbincangan Penganjuran Kursus Sehari : Penentuan Arah Kiblat

**TARIKH**: 29 September

**TEMPAT** : Pejabat Agama Islam Daerah Muallim

**PENGLIBATAN** : Seksyen Geodetik dan agensi berkaitan

**RINGKASAN PROGRAM:**

Perjumpaan dan perbincangan dengan Pegawai dari Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim (PPAIDM) dan pegawai daripada Seksyen Geodetik BUP, bagi membincangkan perancangan pelaksanaan dan usahasama dalam menjayakan Kursus Penentuan Arah Kiblat yang direncanakan pada 24 Oktober 2017 di INSTUN.



